



Lembaga Minyak Sawit Malaysia

MALAYSIAN PALM OIL BOARD (MPOB)

NOTIS PEMBERITAHUAN

KEPERLUAN MENGEMASKINI MAKLUMAT DAN BUTIR-BUTIR LADANG LESEN KATEGORI ESTET (ET)

Semua pemegang lesen MPOB kategori Estet (ET) adalah dimohon untuk mengemaskini maklumat dan butir-butir berdasarkan maklumat terkini pada geran tanah berserta koordinat bagi setiap lot ladang, secara atas talian di Sistem MyLesen di <https://e-lesen.mpob.gov.my>

Dimaklumkan bahawa YB Menteri Perladangan dan Komoditi, melalui kuasa yang diperuntukkan di bawah Subseksyen 77(1), Akta Lembaga Minyak Sawit Malaysia 1998 (Akta 582), dan keputusan Mesyuarat Lembaga MPOB ke 140 telah meluluskan pengecualian bayaran fi pindaan butiran lesen kepada semua pemegang lesen MPOB kategori Estet (ET) untuk tempoh enam (6) bulan bermula 1 April 2026 hingga 30 September 2026. Untuk makluman, hebahan mengenai pengecualian bayaran fi pindaan butiran lesen tersebut telah dibuat melalui Sistem MyLesen, *Sawit Intelligent Management System* (SIMS), eLesenPK dan Sistem e-Submission MPOB.

Pemegang lesen adalah digalakkan untuk mengambil peluang ini bagi mengemaskini maklumat lesen masing-masing demi memastikan data pelesenan MPOB sentiasa lengkap dan tepat.

Sekian, harap maklum.